

19/07/1997

Trofi RM5,000 jadi rebutan di EATF 97

Daut Noor

TROFI bernilai RM5,000 setiap satu akan menjadi rebutan lebih 100 artis dan karyawan filem sempena Festival Filem & TV Asia Timur (EATF 97) yang akan diadakan di Pulau Pinang mulai 27 Ogos hingga 3 September ini.

Sebanyak 22 Anugerah Mutiara Pulau Pinang akan disampaikan pada malam kemuncak festival yang akan diadakan di Pusat Akuatik, Kompleks Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (Pisa) di Relau pada 2 September ini.

Trofi bersalut emas mempunyai reka bentuk menarik itu dicipta khas sempena festival yang telah mendapat pengiktirafan daripada Persekutuan Penerbit Filem Antarabangsa.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian dan Pembangunan Wanita negeri, Datuk Kee Phaik Cheen, berkata kerajaan negeri akan menjadikan festival ini satu acara tahunan dengan pembabitan lebih ramai penyertaan dari seluruh negara.

Menurutnya, sekurang-kurangnya 80 peratus penyertaan telah mengesahkan kehadiran mereka dalam festival yang pertama kali diadakan ini.

"Kerajaan negeri menyediakan pegawai keselamatan khas yang terlatih untuk mengawal sebarang kejadian tidak diingini dari berlaku.

"Semua pengawal itu akan mengiringi artis serta karyawan filem tempatan dan luar negara di semua tempat sepanjang program festival berlangsung," katanya di sidang akhbar di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar), Pulau Pinang, baru-baru ini.

Selain sistem kawalan, urusetia festival itu juga memastikan semua tempat penayangan filem diadakan iaitu di tiga pawagam Cineplex di Kompleks Bukit Jambul dan Dewan Sri Pinang tidak dibolosi mereka yang tidak mendapat tiket khas yang dikeluarkan.

Pihak urusetia memastikan juga kira-kira 100 hingga 120 meja jamuan malam bernilai antara RM6,000 dan RM100,000 yang dibeli golongan korporat serta peminat filem yang disediakan untuk orang ramai menghadiri malam kemuncak festival itu memberi keselesaan dan kepuasan semua pihak.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah tetamu khas yang diundang menghadiri malam kemuncak festival pada 2 September itu," katanya.

Antara barisan artis popular yang mengesahkan untuk hadir pada festival itu ialah Nicholas Cage, Andy Lau, Chow Yuen Fatt, Catherine Deneuve, Pooja Bhat, Radhika, Shabana Azmi, Dhilip Kumar, Rajesh Khanna, Paresh Rawal, Sunil Dutt, Didi Petet, Ratna Riantiaro serta artis Malaysia seperti Awie, Ziana Zain, M Nasir, Sidi Oza, Ida Nerina, Lydiawati, Rosyam Nor dan Azean Irdawaty.

Kee berkata, negara yang masih belum menghantar filem mereka untuk festival ini ialah Pakistan, Bangladesh, Taiwan dan Thailand.

Festival kali ini juga turut menayangkan beberapa filem klasik dari beberapa negara peserta antaranya Perancis menghantar 12 filem klasik untuk tontonan ramai seperti filem yang dikeluarkan pada tahun 1946 bertajuk La Bataille Du Rail, Les Vacances De M Hulot (1953), Less 400 Coups (1959), Un Homme Et Une Femme (1966), Les Choses De La Vie (1970), Le Dossier 51 (1978) dan filem Un Dimanche A La Campagne (1984). Filem-filem lain dari Perancis yang ditayangkan ialah Therese, Cyrano De Bergerac, Van Gogh, Ma Maison Preferee dan Radicule.

Manakala India turut menghantar beberapa filem lama untuk tontonan peminat semasa festival berlangsung. Antara filem itu ialah Nikah, Reshma Aur Shera dan Kati Patang.

Indonesia turut menghantar filem arahan Wim Umboh yang cukup popular iaitu Macan Kemayoran.

"Peminat kepada artis yang menyertai festival diharap tidak terlalu fanatik sehingga bertindak di luar batasan yang boleh mencemar imej negara ini," kata Kee yang berharap orang ramai lebih berdisiplin dan dapat berikan kerjasama sebaik-baiknya supaya festival filem berlangsung penuh meriah dan berjaya.

Festival Filem & TV Asia Timur 1997 adalah anjuran bersama Kerajaan Pulau Pinang, M Vision Convention & Exhibition Sdn Bhd serta kerjasama sektor swasta.

(END)